

EUROFER[®]-IRON SYRUP

Iron (III) hydroxide polymaltose complex (3.60g/ 100ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Eurofer
2. Bagaimana Eurofer berfungsi
3. Sebelum menggunakan Eurofer
4. Cara menggunakan Eurofer
5. Semasa menggunakan Eurofer
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Eurofer
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Eurofer

Eurofer digunakan untuk merawat atau mencegah anemia kekurangan zat besi.

Bagaimana Eurofer berfungsi

Sirup Eurofer mengandungi zat besi yang dapat membantu meningkatkan penyerapan zat besi dalam usus, dan menambahkan simpanan zat besi dalam badan.

Sebelum menggunakan Eurofer

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Eurofer dan beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda:

- mempunyai alahan terhadap zat besi atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut produk)
- mempunyai zat besi berlebihan atau gangguan darah yang lain (cthnya. *hemochromatosis*, *hemosiderosis*, talasemia, anemia)
- adalah seorang individu yang perlu menerima pemindahan darah berulang kali.

- Sebelum menggunakan Eurofer

Mengandung dan menyusukan anak

Anemia kekurangan zat besi cenderung berlaku sewaktu mengandung dan menyusukan anak.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung,

merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil:

- Antasid dan suplemen mineral yang mengandungi sebatian seperti kalsium, magnesium, fosforus dan zink.
- Tetracycline, chloramphenicol, acetohydroxamic acid (untuk rawatan jangkitan)
- Trientine, dimercaprol (untuk menyingkirkan logam berat)
- Vitamin C (asid askorbik dan asis sitrik).

Doktor anda mungkin mengarahkan anda untuk menjarakkan pengambilan Eurofer 2 hingga 3 jam dari pengambilan ubat-ubatan yang tersenarai di atas.

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Eurofer

- Berapa banyak harus digunakan

Dos dewasa : Ambil 10ml
Dos kanak-kanak : Berikan 5ml

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ambil sekali sehari atau mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan ketidakselesaan gastrousus, cirit-birit dan muntah. Simptom yang mungkin dialami selepas beberapa jam adalah termasuk sakit pada bahagian atas perut dan muntah darah.

Semasa menggunakan Eurofer

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Eurofer.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Eurofer kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera sehingga anda mengetahui tentang kesan Eurofer terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Eurofer boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Berhenti menggunakan Eurofer dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang gejala berikut:

Ketidakselesaan gastrousus, muntah, sembelit, cirit-birit, sakit bahagian atas perut, dan najis berwarna hitam boleh berlaku tetapi jarang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web np.ra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Eurofer

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di tempat yang dingin dan kering di bawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap berwarna perang.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Iron (III) Hydroxide Polymaltose complex

- Bahan tidak aktif
Sodium benzoate, saccharin sodium, strawberry flavour essence, caramel flavour, anhydrous citric acid, purified water, glycerine, sodium citrate, sorbitol

- Nombor MAL

MAL10100040XC

Pengilang

Osoth Inter Laboratories Co., Ltd.
600/9 Moo 11, Sukhaphiban 8 Road,
Nongkham, Sriracha, Chonburi,
20280 Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

Eurodrug Laboratories (M) Sdn Bhd
T2-21-10, The Square, One City,
Jalan USJ 25/1C,
47650 Subang Jaya, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

18/03/2023

Nombor Siri

NPRA(R4/1)140323/00025